

ARAHAN PESURUJAYA TANAH DAN GALIAN TERENGGANU.
BILANGAN 1/1976.

Pemungut Hasil Tanah, Kuala Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Besut.
 Pemungut Hasil Tanah, Hulu Terengganu.
 Pemungut Hasil Tanah, Kemaman.
 Pemungut Hasil Tanah, Dungun.
 Pemungut Hasil Tanah, Marang.

**Pendaftaran Hakmilik Sementara Bagi
Permohonan Tanah "Jenis Perusahaan" Yang diluluskan,**

Pemungut-pemungut Hasil tanah adalah ditarik perhatian kepada permohonan-permohonan tanah yang diluluskan bagi maksud perusahaan, supaya mendaftarkan Hakmilik Sementara dengan segera sebaik sahaja bayaran yang dituntut dalam Borang 5A itu dijelaskan oleh pemohon.

2. Lazimnya syarat nyata yang ditetapkan bagi permohonan tanah yang diluluskan seumpama ini adalah seperti berikut:-

"Dalam masa tahun daripada tarikh keterangan hakmilik ini didaftarkan atau dalam satu masa yang dilanjutkan oleh Pengguna Negeri, hendaklah didirikan sebuah bangunan untuk penggunaan 'Perusahaan' mengikut pelan yang diluluskan oleh Jumaah Bandaran -----".

3. Di masa-masa yang sudah adalah didapati pendaftaran Hakmilik Sementara bagi permohonan tanah yang seumpama ini diambil perjalanan seperti permohonan tanah biasa yang memakan masa yang lama. Kadangkala masa 2 tahun yang ditetapkan dalam Syarat Nyata itu telahpun luput tetapi pendaftaran Hakmilik Sementara belum lagi dibuat. Ini bukan sahaja menyebabkan sifat megang lis itu tidak dapat menjalankan perusahaannya di atas tanah yang diluluskan itu dengan segera tetapi juga melibat masa bagi Pemungut Hasil Tanah menyediakan lapuran untuk menyambung masa yang telah luput itu bagi timbangan Majlis Mesyuarat Kerajaan. Disamping itu pihak kerajaan juga tidak dapat memungut hasil tanah yang berkenaan dalam tempoh masa kelewatan pendaftaran itu berlaku.

4. Oleh yang demikian, Pemungut-pemungut Hasil Tanah adalah dikehendaki memberi perhatian yang berat di atas perkara ini supaya mendaftarkan Hakmilik Sementara bagi semua permohonan tanah jenis 'Perusahaan' itu sebaik sahaja bayaran yang dituntut dalam Borang 5A dijelaskan.

t.t.
 (DATO' LELA JASA)
 Pengarah Tanah dan Galian,
 Terengganu.

Bil. (20) dlm. P.T.&G.TR. 13/66/1 SEM.

s.k.
 Yang Berhormat,
 Setiausaha Kerajaan,
 Terengganu.

Kuala Terengganu, 9hb. Mac, 1976.